

## HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM

Suhailiza Md. Hamdani<sup>i</sup>, Zulkiple Abd Ghani<sup>ii</sup>, Khairunneezam Mohd.Noor<sup>iii</sup>, Muhammad  
Khairi Mahyuddin<sup>iv</sup>

<sup>i</sup>Suhailiza Md.Hamdani. Pensyarah Kanan. Universiti Sains Islam Malaysia. [suhailiza@usim.edu.my](mailto:suhailiza@usim.edu.my)  
(Corresponding author)

<sup>ii</sup>Zulkiple Abd Ghani. Profesor. Universiti Sains Islam Malaysia. [drzulkip@usim.edu.my](mailto:drzulkip@usim.edu.my)

<sup>iii</sup>Khairunneezam Mohd.Noor. Pensyarah Kanan. Universiti Sains Islam Malaysia.  
[neezam@usim.edu.my](mailto:neezam@usim.edu.my)

<sup>iv</sup>Muhammad Khairi Mahyuddin. Pensyarah Kanan. Universiti Sains Islam Malaysia.  
[muhdkhairi@usim.edu.my](mailto:muhdkhairi@usim.edu.my)

### Abstrak

*Diplomasi dan hubungan strategik adalah sebahagian daripada elemen yang signifikan dalam pengurusan Hal Ehwal Islam demi membantu meningkatkan fungsi sesuatu organisasi. Malaysia melalui JAKIM berperanan untuk memperkukuhkan jalinan kerjasama dengan negara-negara luar. Oleh itu, kertas kerja ini akan mengupas pengalaman pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia dalam memperkukuhkan hubungan diplomatik dengan negara majoriti dan minoriti muslim melalui pertubuhan-pertubuhan Islam di peringkat antarabangsa. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan menerusi analisis bahan sekunder, seperti artikel jurnal, buku dan kajian ilmiah bagi mendapatkan maklumat tentang diplomatik dan pengalaman JAKIM dalam melaksanakan hubungan diplomatik antarabangsa. Kajian mendapati bahawa hasil jalinan diplomasi Malaysia dengan pertubuhan-pertubuhan Islam di peringkat Antarabangsa telah membuahkan banyak manfaat dari pelbagai aspek yang mencakupi aspek kesihatan, kebajikan, keadilan, keselamatan dan kesejahteraan ummah sejagat.*

Kata kunci: Pengurusan, diplomasi, Hal Ehwal Islam, JAKIM

## PENDAHULUAN

Hubungan diplomatik merupakan hubungan yang terjalin di antara kerajaan atas dasar permuafakatan. Afzal Iqbal (2000) dan Mokhtar Muhammad (2005) menyatakan bahawa diplomasi ialah saranan untuk mencapai tujuan dan sesuatu yang bersih serta jujur serta mencari jalan persetujuan tetapi mencapai persefahaman kedamaian adalah lebih diutamakan. Pengalaman Malaysia dalam pengurusan hal ehwal Islam melalui jalinan Kerjasama dengan negara-negara luar merupakan aspek pengurusan yang sangat penting yang perlu dibincangkan kerana ini menonjolkan sisi kemampuan dan kredibiliti Malaysia di peringkat global. Sejarah telah merakam sumbangan Malaysia yang telah banyak terlibat dengan pelbagai bentuk kerjasama luar khususnya yang menyentuh Hal Ehwal agama Islam. Pelbagai aspek jalinan kerjasama yang dilakukan oleh Malaysia melalui JAKIM dan agensi-agensi agama di negeri-negeri dengan negara-negara muslim dan pertubuhan-pertubuhan Islam Antarabangsa.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan menerusi analisis bahan sekunder seperti artikel jurnal, buku dan kajian ilmiah bagi mendapatkan maklumat tentang diplomatik dan pengalaman JAKIM dalam melaksanakan hubungan diplomatik antarabangsa melalui penglibatan bersama pertubuhan-pertubuhan Islam Antarabangsa.

### Diplomatik

Terdapat pelbagai takrifan mengenai pengertian diplomatik. Dalam Ensiklopedia Dunia (2005: 216), istilah diplomatik ditakrifkan sebagai kaedah pengendalian perundingan antara negara yang melibatkan pembentukan dasar yang diikuti oleh sesebuah negara untuk mempengaruhi negara lain.

Dalam agama Islam telah menegaskan tentang prinsip hubungan diplomatik itu perlu berdasarkan prinsip persaudaraan, persahabatan dan perdamaian. Prinsip hubungan diplomatik menurut hukum Islam antara lain ialah menghargai manusia sebagai makhluk yang terbaik, menegakkan keadilan, persamaan, kemerdekaan, menepati janji, toleransi, mencegah kejahatan, dan bukannya mewujudkan peperangan dan permusuhan (H. A. Fuad Said, 2002: 409). Sementara itu prinsip asas sesebuah hubungan diplomatik itu seharusnya berlandaskan tauhid, berpegang kepada keadilan, keamanan, sokongan dan kerjasama, jihad, menghormati serta memenuhi iltizam ('AbdulHamīd A. AbūSulaymān ,1987).

Hubungan diplomatik sebenarnya sudah wujud di alam Nusantara terutamanya pada zaman pra-Islam lagi. Mohd Jamil Mukmin (2011: 71). Beliau berpendapat bahawa kerajaan Melayu seperti Funan, Campa, Langkasuka dan Kedah Tua telah menjalin hubungan diplomatik dengan beberapa kerajaan besar seperti China, Arab dan India. Faktor utama hubungan tersebut terjalin ialah untuk memperkembangkan lagi aktiviti perdagangan, mengukuhkan agama Hindu-Buddha dan meluaskan pengaruh politik.

### Implikasi Hubungan Diplomasi

Sejarah menyaksikan bahawa Malaysia telah mengorak langkah awal dalam menjalin hubungan diplomatik melalui kerjasama antara negara-negara Islam. Pelantikan Tunku Abdul Rahman (bekas Perdana Menteri Malaysia) sebagai Setiausaha Agung OIC yang pertama pada tahun 1971 sehingga 1973 langkah awal penglibatan Malaysia di peringkat antarabangsa dengan negara lain.

Penglibatan Malaysia melalui JAKIM dengan pertubuhan dan organisasi luar negara seperti OIC, MABIMS, Forum Silaturrahi Kemakmuran Masjid Serantau (FORSIMAS) dan Regional Islamic Da'wah Council Of Southeast Asia & The Pacific (RISEAP) serta agensi-agensi agama luar negara memberikan banyak manfaat kepada negara-negara majoriti dan minoriti muslim. Pelbagai usaha dan perancangan dilaksanakan demi mencapai objektif yang telah digariskan oleh setiap pertubuhan.

### **Hubungan Diplomatik Malaysia Dengan Pertubuhan dan Organisasi Luar Negara**

Di peringkat antarabangsa khususnya dalam bidang kerjasama dan hubungan diplomatik dengan negara-negara Islam, JAKIM terlibat melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi pihak Malaysia dalam penglibatan dengan program-program anjuran Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS), Forum Silaturrahi Kemakmuran Masjid Serantau (FORSIMAS) dan Regional Islamic Da'wah Council Of Southeast Asia & The Pacific (RISEAP).

### **Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)**

OIC ditubuhkan pada 25 September 1969 di Rabat, Marocco, sebagai menyahut seruan Almarhum Raja Faysal Ibn Abdulaziz ke arah penyatupaduan dunia Islam. Ibu pejabatnya terletak di Jeddah, Arab Saudi. Malaysia turut menganggotai OIC dan Tunku Abdul Rahman (bekas Perdana Menteri Malaysia) telah dilantik menjadi Setiausaha Agung OIC yang pertama.

Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam usaha perantaraan bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq melalui OIC. Berikutan pengumuman gencatan senjata antara Iran-Iraq pada bulan Ogos 1988, sepasukan 15 pegawai tentera Malaysia telah menyertai pasukan tentera pemerhati PBB. Malaysia memberi sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin dan pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan menyokong hak rakyat Palestin untuk menentukan nasib sendiri, termasuk hak mereka untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Malaysia juga menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul yang dibantu oleh tentera Rusia sejak tahun 1979. Malaysia telah membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada tahun 1984 (JAKIM,2012).

Selain itu, Malaysia telah membantu perkembangan pendidikan tinggi di kalangan negara-negara Islam termasuk di dalam usaha pembinaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Selangor. Selain itu, Malaysia mengutuk dasar penghapusan etnik Islam di Bosnia- Herzegovina, mengadakan program Nida Ul Islam untuk

penyebaran Islam ke seluruh dunia dan memberi bantuan kewangan dan kemanusiaan kepada mangsa gempa bumi di Turki dan mangsa peperangan di Chechnya (JAKIM,2012).

Penonjolan Malaysia di peringkat antarabangsa agak menyerlah terutamanya di kalangan negara-negara Islam. Kedudukan ini menjadikan Malaysia sebagai contoh dan model dalam bidang-bidang tertentu oleh kebanyakan negara-negara berkenaan. Sehubungan ini, Malaysia telah menjalin hubungan yang akrab dengan negara-negara di Asia Barat dan Afrika dengan mengadakan perjanjian-perjanjian persefahaman, antaranya dengan Kerajaan Mesir, Tunisia, Melawi, Sudan dan Yamen. Persetujuan-persetujuan yang dicapai melalui program ini terus dilaksanakan dari semasa ke semasa. JAKIM merupakan antara agensi yang terlibat secara langsung bagi pihak Malaysia dalam isu-isu yang berkaitan Islam.

### **Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS)**

MABIMS atau nama penuhnya Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura adalah merupakan suatu bentuk kesepakatan serantau yang bergerak atas dasar keagamaan bagi menjaga maslahat dan kepentingan umat Islam tanpa mencampuri hal-hal yang bersifat politik negara-negara anggota.

Perkataan MABIMS adalah singkatan kepada Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura. MABIMS mula diasaskan pada Hari Isnin, 5 Muharam 1410 bersamaan 7 Ogos 1989 dengan mengadakan pertemuan yang pertama di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Sejak penubuhannya hingga kini, kesepakatan ini dianggotai oleh empat buah negara yang terdiri daripada Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (JAKIM, 2012).

Visi penubuhan MABIMS adalah mengukuhkan lagi kesatuan dan menjadikan umat Islam di Negara Anggota MABIMS umat yang progresif yang cintakan kedamaian dan keharmonian yang membawa rahmat kepada seluruh alam serta menjadi rujukan bagi pembangunan umat Islam di dunia. Manakala misi MABIMS adalah meningkatkan tahap kerjasama dalam membangun umat Islam di Negara Anggota MABIMS (dalaman) dari aspek daya tahan keagamaan dan mutu kehidupan beragama serta kesejahteraan sosio-ekonomi. Di samping itu, visi MABIMS adalah meningkatkan peranan MABIMS dalam program-program pembangunan dan kemanusiaan di luar rantau MABIMS (luaran) demi memperkukuh imej Islam yang positif di mata dunia. (<http://mabims.islam.gov.my/index.php/main/mengenaimabims>).

Malaysia sebagai sebuah Negara anggota MABIMS berperanan secara aktif dalam setiap program MABIMS. Bagi pihak Malaysia, urusan berkaitan MABIMS ini diletakkan di bawah tanggungjawab JAKIM. JAKIM selaku urus setia MABIMS Malaysia melibatkan diri sepenuhnya dalam semua Pertemuan MABIMS, Mesyuarat SOM MABIMS dan mesyuarat di peringkat jawatankuasa serta melaksanakan persetujuan dan keputusan yang dicapai oleh mesyuarat-mesyuarat tersebut. (JAKIM, 2012).

Dalam merealisasikan matlamatnya, MABIMS setakat ini telah membentuk 19 bidang kerjasama. Bagi menangani pelaksanaan setiap bidang kerjasama berkenaan, sesebuah Negara dilantik menjadi penghubung yang akan bertindak sebagai penyelaras bagi semua projek atau kegiatan yang telah dipersetujui. Sehubungan ini Malaysia telah diberi tanggungjawab menjadi negara penghubung kepada sepuluh daripada 19 bidang kerjasama tersebut.

Sebagai Negara penghubung kepada sepuluh bidang kerjasama yang ditetapkan, JAKIM dapat menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan, antaranya ialah:

1. Menyediakan Garis panduan Bersama Kawalan Barang Gunaan dan Makanan Orang Islam;
2. Menyediakan Modul Kursus Pengendalian Makanan Halal MABIMS;
3. Bekerjasama dan bertukar-tukar maklumat dalam bidang rukyah dan takwim Islam;
4. Menyediakan Takwim Hijriyah hingga tahun 2020M/1442H;
5. Menyediakan Garis panduan Hisab dan Rukyah;
6. Menyediakan kriteria ajaran sesat;
7. Mengadakan hubungan yang lebih rapat antara ulama dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam pentadbiran hal ehwal Islam melalui program lawatan ke Negara anggota MABIMS;
8. Menyediakan Garis panduan Berijihad;
9. Menyediakan Prosedur Fatwa MABIMS;
10. Menyediakan Mekanisme Pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam;
11. Mengunjurkan Kursus Kejurulatihan Belia Islam Negara MABIMS pada 4 hingga 10 November 2001;
12. Menganjurkan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kanak-Kanak Negara-Negara MABIMS Kali Pertama pada 12 Oktober 2002 di Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

## **FORSIMAS (FORUM SILATURRAHMI KEMAKMURAN MASJID SERANTAU)**

Forum Silaturrahmi Masjid Serantau (Forsimas) adalah gabungan kerjasama Pimpinan masjid dari negara-negara Asean iaitu Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand, Brunei Darussalam, Filipina dan Myanmar. FORSIMAS telah menjalankan beberapa kali pertemuan iaitu pada tahun 2006 di Banda Aceh, tahun 2007 di Sabah, tahun 2008 di Jakarta Indonesia, tahun 2009 di Kuala Lumpur dan pada 2010 Forsimas kelima berlangsung di ILIM Selangor dengan kerjasama Pusat Pengajian Sains Dakwah. Sehingga kini, kursus Profesionalisme Imam telah diikuti oleh 48 orang peserta dari Negara serantau. Seterusnya pertemuan FORSIMAS yang keenam berlangsung di Bangkok Thailand pada tahun 2011 dengan mengambil tema 'Pengukuhan peranan masjid untuk pembangunan masyarakat' khususnya di wilayah Asean ("The Role of ASEAN Masjid Through Sustainable Social Development"). Pimpinan masjid dari negara-negara Asean iaitu Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand, Brunei Darussalam, Filipina dan Myanmar telah menyertai pertemuan tersebut. (<http://upikke.staff.ipb.ac.id/files/2015/11/Forum-Silaturrahmi-Masjid-Serantau-Forsimas.pdf>, 12 Februari 2021)

Forsimas (Forum Silaturrahmi Kemakmuran Masjid Serantau) telah melaksanakan beberapa siri program kerjasama dengan ILIM (Institut Latihan Islam Malaysia) di bawah JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia). Kursus yang dianjurkan adalah Kursus Profesionalisme Imam-imam Serantau yang melibatkan peserta dari Indonesia, Brunei, Thailand, Komboja, Myanmar dan Malaysia pada tahun 2010. (<http://urusetialandas.blogspot.com/2010/03>, 10 April 2021)

## **REGIONAL ISLAMIC DA'WAH COUNCIL OF SOUTHEAST ASIA & THE PACIFIC (RISEAP)**

Inisiatif untuk membentuk Majlis Da'wah Islam Serantau untuk Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP) adalah lahir daripada persidangan yang dianjurkan bersama oleh Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Liga Dunia Islam (Rabitah al-Alam al-Islami) yang diadakan di Kuala Lumpur dari 11 hingga 14 Januari 1980. (<https://riseap.org/index.php/history/>, 20 Jun 2021).

RISEAP diasaskan pada 11 November 1980 bertepatan dengan 3 Muharam 1401 yang merupakan permulaan tahun kalendar Islam yang baru. Penyertaan pertubuhan ini adalah dianggotai oleh 17 buah negara iaitu Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, Myanmar, Malaysia, Thailand, Filipina, Brunei Darussalam, Singapura, Indonesia, Papua New Guinea, Australia, Fiji dan New Zealand. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menjadi presiden pertama RISEAP sehingga 1988. Sejak awal, Tunku mahu RISEAP berperanan menyatukan negara-negara minoriti

Islam di Asia Timur dan Pasifik, meneruskan cita-cita kolektif dan terus menaikkan semangat Islam. (<https://riseap.org/index.php/history/>, 20 Jun 2021).

Tujuan lain penubuhan RISEAP juga adalah untuk menggalakkan penyelidikan ke atas pelbagai masalah yang mempengaruhi umat Islam di rantau ini terutamanya yang berkaitan dengan minoriti muslim. Pelbagai kegiatan da'wah dan pembangunan Islam dijalankan di peringkat antarabangsa dengan kerjasama pelbagai negara. Antaranya, pada tahun 1988 umat Islam di Papua New Guinea menubuhkan pusat Islam yang pertama dengan bantuan RISEAP dan Kementerian Agama Arab Saudi. Pada tahun 1996, tiga lagi pusat Islam ditubuhkan dengan bantuan Liga Dunia Islam. Sekarang terdapat tujuh pusat Islam di negara ini. Masjid pertama yang dikenali sebagai Masjid Baitul Kareem dibina pada tahun 1988 di New Britain oleh Ahmadiyah. Pada tahun 2000, RISEAP membina dua masjid pertama di Papua New Guinea di wilayah Simbu yang dikenali sebagai Karilmaril dan Masjid Waigar. Selepas dua masjid Islam pertama mula berkembang pesat dengan bertambahnya penganut agama Islam di Papua New Guinea yang kini berjumlah 10,000 orang. Jumlah keseluruhan masjid yang telah dibina oleh RISEAP sehingga Februari 2020 adalah sebanyak 20 buah masjid di Papua New Guinea. ([https://www.facebook.com/pg/RISEAP/posts/?ref=page\\_internal](https://www.facebook.com/pg/RISEAP/posts/?ref=page_internal), 7 Ogos 2020). Di samping itu, RISEAP juga telah berjaya menganjurkan beberapa siri Latihan Kepimpinan dan Urus tadbir dengan kerjasama beberapa organisasi dalam dan luar negara yang melibatkan para peserta dari Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Kemboja, Vietnam, Myanmar dan Sri Lanka (<https://riseap.org/index.php/leadership/>, 20 Disember 2020).

### **Kerjasama JAKIM dengan Agensi Agama di Mesir**

Kerjasama Malaysia dan Mesir diperkukuhkan melalui hubungan yang dimeterai antara JAKIM dengan agensi-agensi agama di Mesir. Pejabat Atase Agama Kaherah JAKIM telah berjaya menjalin hubungan yang utuh dengan Dar al-Ifta' Mesir melalui penglibatan dalam program-program anjuran Dar al-Ifta' dari semasa ke semasa. Pelbagai program kursus telah dibuat dengan kerjasama Dar al-Ifta' dari tahun 2012-2018 antaranya ialah Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa melibatkan penyertaan para pegawai kanan JAKIM, MAIN, JAIN dan beberapa agensi agama yang lain. Selain itu, kursus Profesionalisme Imam Masjid-masjid Wilayah Persekutuan pula diadakan selama satu bulan melibatkan penyertaan 16 orang pegawai yang menjadi imam masjid di Wilayah Persekutuan pada tahun 2015.

Kursus Sangkutan Pejabat Mufti Sarawak di Dar al-Ifta' diadakan selama satu minggu pada 2017 melibatkan penyertaan enam orang pegawai termasuk Datu Kipli Bin Haji Yassin, SS Mufti Negeri Sarawak. Di samping itu, kursus Penerapan Nilai

Islam dan Transformasi Pengurusan melibatkan penyertaan semua pekerja Kakitangan Ambilan Tempatan (KAT) di Kedutaan Besar Malaysia Kaherah yang diadakan pada 2014 melibatkan seramai 42 orang.

Untuk memantapkan ilmu pengetahuan pelajar Malaysia, kursus melibatkan penyertaan pelajar Malaysia turut dilaksanakan di Dar al-Ifta'. Antara kursus yang telah dilaksanakan ialah Kursus Tatacara Berfatwa pada (2013 dan 2014), Kursus Wasatiyyah di Era Globalisasi (2016) dan Kursus Menangani Pemikiran Ekstrem (2018) (Sedekad JAKIM di Mesir, 2015).

Selain itu, kunjungan berterusan delegasi dari Malaysia ke Dar al-Ifta' secara tidak langsung telah menguatkan lagi hubungan sedia ada dengan institusi fatwa di Mesir ini. Hubungan JAKIM melalui Pejabat Atase Agama Kaherah telah berjaya mengukuhkan hubungan sedia ada dengan Kementerian Wakaf Mesir melalui program-program yang dilaksanakan selain mengadakan kunjungan dan pertemuan berkala dengan pihak di Kementerian Wakaf. Sehingga kini, JAKIM mempunyai hubungan sangat erat dengan Kementerian Wakaf Mesir dalam urusan penganjuran Majlis Tilawah alQuran dan Hafazan di mana pada saban tahun, JAKIM selaku urusetia induk kepada penganjuran majlis akan menjemput dua orang peserta tilawah yang akan mewakili negara Mesir dan juga tiga orang hakim dari negara Mesir.

Mesir juga turut menganjurkan majlis musabaqah antarabangsa hafazan al-Quran setiap tahun dan dua orang peserta dari Malaysia akan turut dijemput bagi mewakili negara. Selain musabaqah, pihak kementerian juga setiap tahun akan menganjurkan muktamar sedunia di mana dua tokoh dari Malaysia yang akan dijemput iaitu YB Menteri (Agama) dan SS Mufti Wilayah Persekutuan sebagai wakil negara Malaysia. Pada tahun 2015, JAKIM juga pernah mewakili negara ke muktamar antarabangsa anjuran Kementerian Wakaf Mesir. Pejabat Atase Agama juga telah terlibat dalam menghadiri program-program kementerian seperti Majlis Sambutan Awal Hijrah, Majlis Sambutan Maulidul Rasul SAW dan Majlis Sambutan Nisfu Syaa'ban.

## **KESIMPULAN**

Pelbagai bentuk kerjasama yang telah dilaksanakan antara Malaysia melalui JAKIM dengan Pertubuhan-pertubuhan Islam Luar Negara membuktikan kepercayaan negara-negara luar kepada kemampuan Malaysia di dalam pengendalian dan pengurusan program-program yang diatur. Kredibiliti Malaysia dilihat cemerlang di peringkat global di dalam menangani isu-isu berkaitan umat Islam terutama di negara-negara minoriti muslim dan kepercayaan ini.

## PENGHARGAAN

Kertas ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai oleh Geran di bawah perancangan Geran Penyelidikan USIM/MAIWP/FKP/40320.

## RUJUKAN

- Alfitri. 2006. *The Organization of Islamic Conference (OIC) and Its Significance for War Against Terrorism*. Vol.1.
- Afzal Iqbal. 2000. *Diplomasi Islam*. Jakarta : Pustaka Al-Kautsar
- Antang, S. M. 2006. *Malaysia dan Keamanan Sejahtera*. Majalah Visi, bil. 67, Julai 2006, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Bijan Bidabad. 2012. *Diplomacy principles: An Islamic Sufi approach – continuation*. International Journal of Law and Management 54(6): 422-442.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2009). *Pelan Strategik JAKIM 2015 hingga 2019*. Penerbit Jabatan Kemajuan Islam, Malaysia
- n.a. 17/1/2020. "Arab Saudi, Malaysia kerjasama perangi Islamofobia". *Sinar Harian*. <<https://www.sinarharian.com.my/article/66290/BERITA/Nasional/Arab-Saudi-Malaysia-kerjasama-perangi-Islamofobia>>diakses pada 20/10/2020>.
- n.a.30/3/2020."Pelatihan Profesionalisme Imam Masjid Serantau" <[Http://Urusetialandas.Blogspot.Com/2010/03/](http://Urusetialandas.Blogspot.Com/2010/03/)>diakses pada 30/3/2020.
- n.a. 5/11/2018."Pengukuhan Kerjasama Halal Kesatuan Negara-Negara Islam (OIC)"<<http://www.islam.gov.my/berita-semasa/25-bahagian-pengurusan-halal/1690-pengukuhan-kerjasama-halal-kesatuan-negara-negara-islam-oic>> diakses pada 14/10/2020.
- n.a."Sidang Kemuncak Wanita Islam Antarabangsa".<<http://www.islam.gov.my/en/berita-semasa/34-bahagian-keluarga-sosial-komuniti/738-piswi-anjur-sidang-kemuncak-wanita-islam-antarabangsa-1st-world-muslim-women-summit-and-exhibition>>diakses pada 1/1/2021.
- [https://www.facebook.com/pg/RISEAP/posts/?ref=page\\_internal](https://www.facebook.com/pg/RISEAP/posts/?ref=page_internal), 7 Ogos 2020)
- <https://riseap.org/index.php/leadership/>, 20 Disember 2020)